

Sediakan Anak dan Keluarga untuk Pendidikan Inklusif

Dr Bob Jackson
www.include.au

Perhatian: Istilah Terjemahan

- **Disability** = Ketidakupayaan
- **Special Needs** = Keperluan khas
- **People/children with disability** = Golongan OKU

Walaupun Orang Kurang Upaya (OKU) membawa konotasi yang negatif dan kebanyakan komuniti ini lebih cenderung kepada 'keperluan khas', namun "OKU" tetap sebagai istilah rasmi di negara ini.

Selain itu, adalah penting untuk **membezakan *disability* dan *special needs* dalam konteks pembentangan ini.**

Pengecualian dalam Pendidikan

- Masyarakat kita cenderung untuk mengajar keluarga bahawa anak “OKU” mereka mempunyai “kekurangan” dan memerlukan bantuan kepakaran.
- Mereka mungkin diberitahu bahawa anak mereka akan “ketinggalan” apabila umur mereka semakin besar.
- Keluarga akan digalakkan supaya mencari perkhidmatan pakar dan sekolah yang dapat menjaga “keperluan khas” anak mereka.

Pengecualian dalam Pendidikan

- Apabila mereka cuba untuk mendaftar anak mereka di sekolah biasa, keluarga akan menghadapi halangan-halangan iaitu anak mereka dikecualikan daripada melibatkan diri dalam aktiviti dan pembelajaran di sekolah.
- Jika anak mereka diterima untuk menghadiri sekolah, anak tersebut diharapkan dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran yang sedia ada.

Faktor yang mempengaruhi Pandangan Keluarga

- **Desakan untuk ke 'tempat lain' mungkin didorong oleh para profesional malah saudara-mara mereka yang akan cuba meyakinkan mereka bahawa pendidikan khas (Pengasingan) adalah lebih baik untuk anak mereka.**
- **Keluarga akan tertarik dengan idea bahawa pendidikan khas mempunyai saiz kelas yang lebih kecil, serta senang memperoleh perkhidmatan pakar (specialist).**

Faktor yang mempengaruhi Pandangan Keluarga

- **Keluarga jarang-jarang menjumpa contoh-contoh Pendidikan Inklusif yang berjaya dan berkesan.**
- **Adalah sukar untuk keluarga membayangkan bagaimana Pendidikan Inklusif boleh berjaya, memandangkan mereka sendiri menghadapi kesukaran semasa mengajar anak 1-ke-1 di rumah.**
- **Kajian atas Pendidikan Inklusif tidak diketahui secara umum – malah antara golongan professional**

'Pilihan' Keluarga

- Ini bermakna kebanyakan keluarga akan cenderung kepada sistem pendidikan yang berasingan.
- Banyak ibu bapa yang menghantar anak OKU mereka ke pendidikan khas (sistem pengasingan) akan memberi pendapat yang positif tentang pendidikan khas.

'Pilihan' Keluarga

- Sesetengah ibu bapa yang telah mencuba pendidikan inklusif mungkin akan melaporkan mereka menghadapi penentangan daripada sekolah, kekangan malah kes buli.

Dalam keadaan sebegini, apakah pilihan anda sebagai ibu bapa? (Pendidikan Khas vs. Pendidikan Inklusif)

Persediaan untuk Inklusif

- **Dalam proses persediaan untuk Pendidikan Inklusif, pihak keluarga perlu jelas tentang tujuan - “mengapa inklusif”?**

Persediaan untuk Inklusif

- **Visi: Bayangkan, apa yang anda idamkan untuk anak anda?**
 - Apabila anak meninggalkan sekolah rendah?
 - Lepas sekolah menengah?
 - Apakah yang membolehkan anak mencapai visi tersebut?
- **Bukti kajian-kajian atas pendidikan inklusif**

Persediaan untuk Inklusif

- **Hak asasi anak dalam perundangan tempatan dan UN (United Nations)**
 - Akta OKU 2008 (PWD Act 2008)
 - Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013
 - Akta Kanak-Kanak 2001
 - United Nations Convention on the Rights of the Child (UNCRC)
 - United Nations Convention on the Rights of People with Disabilities (UNCRPD)



Video

- mainkan video (serentak)

Kesan Pendidikan Inklusif

- **Sejarah mengajar kita bahawa pendidikan berasingan akhirnya menuju ke kehidupan yang berasingan daripada masyarakat.**

Kesan Pendidikan Inklusif

- **Kita mempunyai kajian-kajian selama 50 tahun yang membandingkan sistem pengasingan dengan pendidikan inklusif:**
 - **Kanak-kanak OKU mempunyai pencapaian yang lebih bagus dari segi akademik dan sosial**
 - **Semakin inklusif, semakin baik pencapaian mereka – 100% inklusif lebih baik dari pada 50% inklusif , 50% lebih baik daripada 20%**


Kesan Pendidikan Inklusif

- **Amalan “tarik keluar” (pull-out) pelajar OKU didapati tidak membawa manfaat kepada mereka dari segi akademik dan sosial**
- **Pembelajaran bersama kanak-kanak OKU tidak akan menjejaskan prestasi pelajar-pelajar lain. Malah, sikap mereka bertambah baik apabila mereka belajar bersama.**


Kesan Pendidikan Inklusif

- Dalam sekolah yang amat inklusif, pencapaian akademik SEMUA pelajar meningkat kerana guru-guru semakin mahir dalam menyesuaikan pembelajaran untuk memenuhi kepelbagaian (diversity).

Pelajar-pelajar OKU yang bersekolah dalam kelas inklusif untuk masa yang lebih lama mendapat markah yang lebih tinggi dalam ujian penilaian bahasa



Punca: (Hehir et al., 2012)



United Nations Committee on the Rights of
Persons with Disabilities (CRPD)

- **Penyataan umum nombor 4 (2016)**
- **Seksyen 10:**
 - Pendidikan Inklusif adalah hak saksama untuk semua pelajar. Hak seseorang anak sentiasa lebih diutamakan daripada hak keluarganya.

United Nations Committee on the Rights of
Persons with Disabilities (CRPD)

- **Seksyen 11:**
 - ***Pengecualian (Exclusion)*** – apabila anak dihalang daripada menerima pendidikan dalam apa jua bentuk.
 - ***Pengasingan (Segregation)*** – sekolah khas, unit khas atau kelas khas merupakan pengasingan.

United Nations Committee on the Rights of
Persons with Disabilities (CRPD)

- **Seksyen 11:**
 - **Integrasi** – Menempatkan anak di kelas / lokasi arus perdana tanpa langkah penyesuaian. Contohnya, dengan pembantu guru (teacher aide). Ini BUKAN inklusif.
 - **Inklusif** – Penglibatan dalam pembelajaran dan aktiviti sekolah bersama-sama rakan sebaya, dan penyesuaian dibuat apabila perlu. Memerlukan pendekatan secara keseluruhan.

Perundangan Kurang Upaya di Malaysia

- **Akta Orang Kurang Upaya 2008**

- Hak asas untuk akses

- Pengangkutan awam
- Pendidikan
- Pekerjaan
- Maklumat, komunikasi dan teknologi
- Kehidupan berbudaya

Perundangan Kurang Upaya di Malaysia

- **Akta Orang Kurang Upaya 2008**

- Hak asas untuk akses

- Rekreasi, santai dan sukan
- Perkhidmatan pemulihan
- Kesihatan
- Perlindungan untuk orang dengan ketidakupayaan teruk
- Bantuan semasa kecemasan

Sediakan Anak untuk Inklusif

Bermula dari Sekolah atau Pra-sekolah

- **6 bulan ataupun lebih sebelum transisi ke sekolah, harus berdasarkan visi anda dan perbincangan-perbincangan dengan sekolah dan guru-guru:**

Sediakan Anak untuk Inklusif

– Meneliti semula perkara-perkara yang paling penting untuk pendidikan anak.

Contoh:

- **Supaya anak tergolong dengan kumpulan rakan sebaya (*belong*).**
- **Supaya anak sentiasa selamat dan berkeyakinan.**
- **Supaya anak sentiasa gembira.**

Sediakan Anak untuk Inklusif

- **Meneliti semula perkara-perkara yang paling penting untuk pendidikan anak.**

Contoh:

- **Supaya anak membesar dengan rakan dari jiran tetangga.**
- **Supaya anak memperoleh pencapaian terbaik dalam akademik**

Sediakan Anak untuk Inklusif

- **Kita mungkin mahu kesemuanya tetapi perkara-perkara tersebut mesti diberi keutamaan!**

Sediakan Anak untuk Inklusif

Bermula dari Sekolah atau Pra-sekolah

- **Berbanding dengan anda, para guru dan guru besar barangkali kurang faham tentang ketidakupayaan atau Sindrom tertentu. Mereka mungkin mengetahui (stereotaip) pemikiran serong masyarakat ke atas ketidakupayaan.**
 - Oleh itu, anda mungkin terasa terancam.

Sediakan Anak untuk Inklusif

- **Anak anda mungkin menyebabkan mereka berasa kurang pasti, malah ketakutan kerana mereka terpengaruh oleh stereotaip masyarakat.**
- **Namun begitu, ramai yang sanggup mengamalkan inklusif jika mereka rasa disokong dan boleh mendapatkan bimbingan dan sokongan.**

Sediakan Anak untuk Inklusif

- Dalam sejarah manusia, kita biasa melayani kanak-kanak OKU secara berbeza dan menolak mereka ke dalam persekitaran yang terasing. Tabiat ini tersemat dalam diri kebanyakan orang dan dianggap sebagai “betul”

Menyediakan Anak untuk Inklusif

Bermula dari Sekolah atau Pra-sekolah

- **Kenalpasti sokongan yang sedia ada di dalam persekitaran sekolah atau pra-sekolah.**

Apakah sumbangan yang boleh anda berikan sebagai seorang ibu bapa?

Menyediakan Anak untuk Inklusif

Bermula dari Sekolah atau Pra-sekolah

- **Cuba merasai sambutan baik yang anda terima dari sekolah. Inklusif bergantung kepada keazaman dan kemahiran. Adakah sekolah itu berazam untuk mewujudkan pendidikan Inklusif? Jika tidak, inklusif yang sebenarnya sukar untuk dicapai.**

Menyediakan Anak untuk Inklusif

Bermula dari Sekolah atau Pra-sekolah

- **Adakah mungkin untuk menjalin kerjasama yang lebih erat dengan sekolah berkenanan? Mungkin sekolah yang lain boleh memberi kerjasama yang lebih baik?**

Menyediakan Anak untuk Inklusif

Bermula dari Sekolah atau Pra-sekolah

- Melawat ke kelas yang anak akan hadir.
- Bertanya tentang kemahiran yang diperlukan di sekolah dan kelas anak. Mula mengajar kemahiran tersebut jika anak belum menguasai. Ini akan menyenangkan transisi anak ke sekolah.

Namun, adalah penting untuk mengetahui bahawa anak anda tidak wajib untuk memiliki kemahiran-kemahiran tertentu untuk inklusif.

Menyediakan Anak untuk Inklusif

Bermula dari Sekolah atau Pra-sekolah

- Kemahiran-kemahiran yang banyak membantu adalah:
 - Mengikut arahan.
 - Bekerja dalam kumpulan. Berkongsi, mengambil giliran.
 - Menggunakan gunting, gam, bahan pewarna.
 - Berada di kawasan yang ditetapkan.

Menyediakan Anak untuk Inklusif

Bermula dari Sekolah atau Pra-sekolah

- **Kemahiran-kemahiran yang banyak membantu adalah:**
 - Duduk atas tikar dan memandang papan putih/hitam atau cikgu.
 - Bekerjasama dengan kanak-kanak lain dalam melaksanakan suatu tugas.
 - Kemahiran akademik, contoh: huruf, nombor.
 - Tahap bunyi yang sewajarnya

Menyediakan Anak untuk Inklusif

Bermula dari Sekolah atau Pra-sekolah

- **Sediakan sebuah buku ringkas “Mengenali Mary”.** Mesej **utama** yang perlu disampaikan adalah bahawa ‘Mary’ seorang **kanak-kanak** yang mempunyai personaliti individu, pelbagai kekuatan dan keperluan seperti kanak-kanak lain.

Selain itu, disebabkan oleh keperluan tertentu, dia akan memerlukan perhatian tertentu dalam sesetengah aspek. Tetapi yang penting Mary ialah seorang kanak-kanak yang perlu ‘belong’ (diberi rasa kepunyaan).

Menyediakan Anak untuk Inklusif

Bermula dari Sekolah atau Pra-sekolah

- Cadangan-cadangan untuk “Buku Pengenalan”:
 - Foto anak anda pada muka depan.
 - Kalau boleh, gunakan kata ganti diri pertama seolah-olah anak anda sedang bercerita.

Menyediakan Anak untuk Inklusif

Bermula dari Sekolah atau Pra-sekolah

- Cadangan-cadangan untuk “Buku Pengenalan”:
 - Memperkenalkan anak anda seperti bagaimana anda memperkenalkan diri sendiri semasa pertemuan. Contoh:
 - Latar belakang keluarga, maklumat tentang anak anda, tempat tinggal, dll.
 - Minat, peristiwa penting dalam kehidupan anak anda.

Menyediakan Anak untuk Inklusif

Bermula dari Sekolah atau Pra-sekolah

- Cadangan-cadangan untuk “Buku Pengenalan”:
 - Memperkenalkan anak anda seperti bagaimana anda memperkenalkan diri sendiri semasa pertemuan. Contoh:
 - Aspek tertentu yang memerlukan bantuan
 - Kegemaran, ketidaksukaan, perkara yang perlu dielakkan, dll.

Menyediakan Anak untuk Inklusif

Bermula dari Sekolah atau Pra-sekolah

- Cadangan-cadangan untuk “Buku Pengenalan”:
 - Memperkenalkan anak anda seperti bagaimana anda memperkenalkan diri sendiri semasa pertemuan. Contoh:
 - Boleh buat sebuah video atau Powerpoint jika anda mampu. Ini boleh diberi kepada cikgu-cikgu untuk lihat dan boleh juga menjadi bahan bantuan untuk memperkenalkan anak kepada rakan sekelas.

Menyediakan Anak untuk Inklusif

Transisi ke kelas seterusnya

- **Ketahui siapa cikgu yang akan ajar anak anda pada tahun depan. Jika Guru Besar yang giat menyokong inklusif, dia akan merancang dahulu dan telah mengamanahkan seorang cikgu. (tidak selalu berlaku)**
- **Bertemu dengan guru baru dan berikan dia 'buku pengenalan' yang disediakan.**

Menyediakan Anak untuk Inklusif

Transisi ke kelas seterusnya

- **Tanya apa yang anda boleh lakukan untuk membantu anak anda bersedia untuk tahun depan.**
- **Minta cikgu tersebut cara mengajar kemahiran tertentu (guru-guru suka dijadikan rujukan).**
- **Mengatur pertemuan di antara cikgu sekarang, anda sendiri dan cikgu baru untuk berbincang tentang perancangan tahun depan.**

Sekolah Menengah

- **Bagi semua kanak-kanak dan ibu bapa, transisi ke sekolah menengah menimbulkan rasa takut:**
 - **Melebihi 1000 pelajar**
 - **Banyak guru yang berlainan**
 - **Bergerak di antara waktu kelas**
 - **Kumpulan rakan sebaya yang amat berbeza**

Sekolah Menengah

- **Bagi semua kanak-kanak dan ibu bapa, transisi ke sekolah menengah menimbulkan rasa takut:**
 - **Pada masa yang sama, perubahan hormon dan hidup yang ketara— dari alam kanak-kanak ke dewasa, dari bergantung kepada orang lain kepada berdikari, kawalan oleh ibu bapa kepada kawalan diri sendiri.**

Sekolah Menengah

- **Faedah:**
 - Guru yang pelbagai, sesetengah akan suka membantu.
 - Sesetengah guru akan 'faham' dan berinovasi, kemudian mempengaruhi guru-guru lain.
 - Tidak 'tersangkut' lama dengan seseorang guru yang tidak bagus setiap hari.
 - Sesetengah pelajar yang matang dan penyayang boleh diminta untuk membantu

Berhati-hati dengan apa yang anda minta...

...kerana mungkin kesudahan tidak seperti yang dijangka.

- Setiap kali anda meminta sesuatu yang 'khas', anda sebenarnya beralih daripada keadaan yang normal. Contoh:
 - Seorang pembantu yang sentiasa berada di sisi pelajar
 - Sesi terapi
 - Program khas
 - Kurikulum yang berlainan
 - Cuti untuk menghadiri temu janji lain

Berhati-hati dengan apa yang anda minta...

Kesemuanya akan menyebabkan inklusif menjadi lemah, walaupun mungkin membawa manfaat lain (seringkali, kerugian melebihi kebaikan)

Nasihat dari keluarga-keluarga yang telah melalui pengalaman inklusif

- **Buat andaian yang kurang bahaya.**

Bersama dengan anak anda, anda sentiasa dikelilingi dengan mesej bahawa pencapaian anak anda tak ke mana-mana. Ini telah menjadi penghalang kepada anak dan anda sendiri. *Adalah lebih baik menetapkan matlamat tinggi tetapi tidak tercapai, daripada mencapai matlamat rendah yang ditetapkan.*

Nasihat dari keluarga-keluarga yang telah melalui pengalaman inklusif

- **Contohnya, jika anak anda tidak dapat bertutur, andaian yang paling 'selamat' adalah dia dapat memahami setiap yang berlaku di sekelilingnya.**
- **Positif lebih berkesan daripada yang negatif: Bagi anda, anak anda, sekolah, kerajaan, dll. (Anda mungkin ingin balas dendam terhadap ketidakadilan – jangan sekali-kali).**

Advokasi

- **Anda akan menghadapi masalah kerana:**
 - Sistem pendidikan dibentuk semasa kepelbagaian kurang kelihatan dalam kelas.
 - Sistem pendidikan dilaksanakan berdasarkan *medical model*: iaitu 'Masalah' berpunca dari diri murid (iaitu ketidakupayaan). Murid perlu belajar untuk 'menyesuaikan diri'.

Advokasi

- **Guru-guru seringkali kekurangan latihan atau pengalaman untuk mengajar murid daripada kepelbagaian(diversity).**
- **Kepercayaan yang meluas (tetapi tidak betul) bahawa 'Murid berkeperluan khas' lebih baik diajar di dalam persekitaran 'specialist' yang terasing.**

Apakah peranan anda sebagai ibu bapa?

- **Ibu bapa merupakan orang yang paling penting dalam kehidupan setiap anak.**
- **Kanak-kanak belajar lebih dalam tempoh lima tahun pertama selepas dilahir, di mana ibu bapa berperanan sebagai guru.**
- **Guru, ahli profesional, dan staf sokongan 'bersinggah' sahaja – andalah yang menjalani kehidupan bersama dengan anak.**

Apakah peranan anda sebagai ibu bapa?

- Anda ialah **pakar** dunia untuk anak anda. Tiada orang lain yang lebih mengetahui anak anda, selain daripada anda sendiri.
- Ini bermakna anda mesti menjadi panel utama (**SENIOR PARTNER**) dalam segala keputusan penting yang berkaitan dengan anak anda.

Apakah peranan anda sebagai ibu bapa?

- Dengarlah nasihat-nasihat (termasuk yang ini!), tetapi buat keputusan sendiri. Walaupun anda akan berhadapan dengan impak daripada keputusan yang anda buat, yang penting anda akan sentiasa usaha yang terbaik untuk anak anda.
- Lepaskan yang lalu. Anda hanya dapat mengubah masa hadapan.

Sifat manusia

- Kita bergerak balas dengan lebih baik terhadap yang positif daripada yang negatif.
- *Semua* orang boleh dipengaruhi. Kita perlu mencari caranya.
- Pendirian manusia biasanya berubah disebabkan oleh faktor emosi dan bukannya 'fakta'.

Sifat manusia

- Kita boleh diilhamkan untuk menjadi berbeza.
- Pujian orang ramai amat berkesan untuk mengacukan seseorang menjadi penyokong inisiatif tertentu.
- Pengetua dan guru-guru suka ibu bapa jumpa untuk meminta nasihat.

Sifat manusia

Ini bermakna melainkan kesemua laluan positif telah tidak berjaya, baru kita menggunakan yang negatif/paksaan.

Strategi untuk Fokus pada yang penting

- **Imbas balik visi anda. Apakah matlamat utama yang ingin anda capai?**
- **'Biar titik jangan tumpah': Apakah perkara yang tidak dapat saya bertolak ansur dan apa yang perlu saya ganti dengan? Mengetahui perkara seperti ini sejak awal menjadikan anda sentiasa jelas, komited dan fleksibel. berdikari.**

Strategi untuk Fokus pada yang penting

- **Bersedia untuk menghadapi transisi yang mungkin berlanjut (berbulan-bulan ataupun bertahun-tahun) – dari rumah ke sekolah; kelas ke kelas; sekolah rendah ke menengah; sekolah ke alam pekerjaan; tinggal dalam rumah ke kehidupan yang berdikari.**

Kerjasama

- **Inklusif berfungsi dengan paling baik apabila kerjasama terjalin di kalangan pihak yang utama:**
 - Ibu bapa dan guru besar;
 - Ibu bapa dan guru;
 - Ibu bapa dan pembantu guru;
 - Ibumbapa dan staf sokongan;
 - Pengetua dan guru;
 - Guru dan pembantu guru;
 - Ibu bapa dengan ibu bapa lain, dll.

Kerjasama

- **Sentiasa mencari ruang untuk menjalin dan mengukuhkan kerjasama:**
 - Menawarkan bantuan
 - Memuji
 - Minta nasihat
 - Mengelakkan daripada mengkritik masalah kecil
 - Bersetuju dengan isu-isu kecil asalkan matlamat besar 'selamat'.

Memuji

- **Cara memuji yang paling berkesan adalah MEMBERITAHU SECARA BERTULIS KEPADA KETUA /MAJIKAN MEREKA.**
 - Pengetua ketua kepada guru-guru
 - PPD (Pejabat Pelajaran Daerah) ketua kepada Guru Besar
 - Menteri ketua kepada Kementerian
 - Media penting untuk Agensi atau sistem

Memuji

- **Dengan memuji mereka sebagai penyokong inklusif di depan ketua mereka akan menyebabkan mereka sukar untuk menarik diri pada masa hadapan**

Memuji

- **Ini membentuk imej baik anda, supaya anda akan dianggap sebagai seorang yang positif apabila anda dijadikan rujukan pada masa depan.**
- **Elakkan diri anda daripada diklasifikasi sebagai 'Orang yang kuat mengadu'.**

Ringkasan

Persediaan oleh Keluarga

- **Berjaga-jaga dengan dorongan untuk mengasingkan anak anda.**
- **Sediakan sebuah visi**
- **Baca kajian-kajian atas inklusif**
- **Ambil tahu undang-undang berkenaan.**

Ringkasan

Sediakan Kanak-kanak untuk Inklusif

- **Tentukan matlamat utama.**
- **Jalinkan kerjasama dengan sekolah.**
- **Strategik: Biar titik jangan tumpah**
- **Memberi ganjaran secara bertulis kepada inklusif yang baik**